

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]

SOALAN NO. 473

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai sekolah di bawah P.48 Bukit Bendera dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk setiap sekolah bagi kerja-kerja pembaikpulihan sekolah pada tahun 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan/pembaikan sekolah termasuk di Parlimen Bukit Bendera secara berperingkat berdasarkan skala kerosakan dalam Skor Gred Impak yang disyorkan oleh Jabatan/Bahagian/Institusi/Jabatan Kerja Raya bagi membolehkan kerosakan-kerosakan kritikal pada bangunan dan infrastruktur ditangani terlebih dahulu.

Peruntukan yang telah disalurkan untuk penyelenggaraan/pembaikan sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM7.2 juta bagi tahun 2017, RM3.5 juta (2018), dan RM6.74 juta bagi tahun 2019 (sehingga 30 jun 2019). Sementara itu, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan untuk tujuan penyelenggaraan/pembaikan sekolah-sekolah di bawah **Parlimen Bukit Bendera** sehingga 30 Jun 2019 adalah sebanyak RM1,518,200 juta.